



LAZAT ... Dr. Maximus (tiga dari kiri) dan Dr. Kamaruzaman (kanan sekali) mencuba ais krim Manggis yang dihasilkan pelajar UMS semasa melakukan lawatan ke tapak pameran. Gambar oleh ROZZALIN HASHIM

Ednection

UMS belanja RM29j untuk penyelidikan dan inovasi

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) membelanjakan kira-kira RM29 juta untuk 372 projek penyelidikan melibatkan 262 pensyarah universiti itu yang terlibat secara aktif sebagai ketua penyelidik sejak 2006 hingga 2009.

Naib Canselor UMS, Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon, berkata UMS telah memperolehi geran berjumlah RM1.7 juta daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), RM0.6 juta daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan RM3.2 juta daripada pelbagai sumber luar pada tahun lalu.

“Bagi memastikan penilaian ke atas hasil penyelidikan dan inovasi UMS dilakukan secara objektif, pengadil dari luar dari pelbagai institut pengajian tinggi dan industri untuk membuat penilaian.

Beliau berkata demikian ketika pembukaan Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta (PEREKA) 2010 dan Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara UMS, Sirim dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) di Dewan Canselor, kelmarin.

Katanya, ini merupakan kali ketiga acara tahunan ini diadakan dan tahun ini, sebanyak 155 penyelidikan dan 89 inovasi dari 9 kategori dipertandingkan.

“Ini menunjukkan peningkatan 18 peratus daripada penyertaan pada tahun lepas.

“Peningkatan penyertaan ini memberi

gambaran baik terhadap usaha universiti untuk membudayakan penyelidikan dan inovasi di kalangan pensyarah dan pelajar,” katanya.

Menurut beliau, ini selaras dengan hasrat UMS untuk menjadi Universiti Pendidikan dalam masa terdekat.

“Melalui pertandingan ini, kita berharap dapat mencungkil hasil penyelidikan dan inovasi penyelidik UMS yang mempunyai impak signifikan ke arah pembangunan sosio-ekonomi negara.

“Dan, penyelidikan dan rekacipta yang memenangi anugerah akan dalam PEREKA akan dipertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa,” katanya.

Tahun lalu, katanya, UMS telah memenangi 42 pinta iaitu enam emas, 13 perak dan 23 gangsa di peringkat kebangsaan dan 15 pingat iaitu tiga emas, empat perak dan lapan gangsa di peringkat antarabangsa.

“Dan kerjasama penyelidikan dengan institusi di dalam dan luar negara merupakan salah strategi UMS untuk meningkatkan kualiti dan kerelevan penyelidikan,” katanya.

Acara berkenaan telah dirasmikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Maximus J. Ongkili yang turut menyaksikan acara menandatangani perjanjian itu